USAHA MENGAWAL PERBUATAN2 YANG TIDAK SIHAT DALAM MASYARAKAT

# Pertubuhan2 seni mempertahan diri jadi persatuan kebangsaan

11 MAR 1973

KUALA LUMPUR, Sabtu

KEMENTERIAN Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang menjalankan langkah tertentu untuk menjadikan pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri yang wujud di negara ini menjadi satu persatuan kebangsaan.

Pengumuman itu dibuat oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Hamzah Abu Samah, di majlis makan malam Persatuan Jaga Diri dan Kesihatan Chee Kim Thong, Jalan Kelang di sini malam tadi.

"Tujuan utama Kementerian Kebudayaan berbuat demikian ialah supaya pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri itu dapat dijalankan dengan teratur dan terkawal," katanya.

Beliau menegaskan bahawa pertubuhan-pertubuhan seni seperti itu hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu supaya segala-galanya berjalan dengan terkawal.

Datuk Hamzah memberitahu, pada akhir-akhir ini terdapat pula setengah-setengah pertubuhan dan orang-orang persaorangan yang tertentu mengeluarkan sijil-sijil palsu mengenai tamat latihan mempertahankan diri itu kepada orang ramai.

## Gejala

"Perbuatan seperti ini adalah satu gejala yang tidak sihat dalam masyarakat dan seharusnya dikawal dengan secepat mungkin," katanya.

Beliau menerangkan bahawa persatuan jaga diri itu boleh menggunakan masa lapang mereka untuk kerja yang berfaedah kepada diri mereka sendiri.

"Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya tenaga-tenaga belia yang masih muda dapat di salurkan kepada kegiatan-kegiatan yang tertentu boleh mendatangkan kebaikan kepada mereka dan negara," katanya.

Menurut Datuk Hamzah dengan secara demikian pula dapatlah rakyat Malaysia saling mengetahui mengenai seni mempertahankan diri juga mengenai pembentukan kesihatan dan tubuh badan yang diamalkan oleh berbagai kaum di negara ini.

Datuk Hamzah menerangkan bahawa Persatuan Jaga Diri dan Kesihatan Chee Yim Thong itu sekarang telah mempunyai lapan buah cawangan di Malaysia.

C a w angan-cawangan itu di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Melaka, Ipoh, Kuantan, Dungun, Kuala Trengganu, dan Kota Baharu.

# Mesyuarat PERPENSIS

SINGAPURA, Isnin. — Persatuan Pencak Silat Singapura (PERPENSIS), akan mengadakan mesyuarat agung tahunan kelima pada 2 Jun mulai jam 9.00 malam, di Madrasah Al-Maarif Al-Islamiah, Ipoh Lane.

Setiausaha Agung persatuan itu, Encik Abdullah Awang, menyeru agar seluruh anggota dapat menghadirkan diri dalam mesyuarat 'penting' itu pada masa dan tarikh yang disebutkan tadi.

# Ustaz Taha dipilih lagi sebagai ketua Perpensis

SINGAPURA, Isnin. — Persatuan Pencak Silat Singapura (PERPENSIS) telah mengadakan mesyuarat agung tahunannya yang ke lima Sabtu kemarin dan memilih lapan orang pegawai dan sepuluh orang ahli jawatankuasa.

Ustaz Haji Mohd. Taha Suhaimi telah sekali lagi dipilih menjadi Yang di Pertua persatuan, sementara Naib Yang di Pertua ialah Encik Abdullah Awang.

Encik Shafie Nahrawi telah dipilih sebagai setiausaha kehormat, Encik Abdul Wahab Maidin sebagai penolongnya, Encik Manap Maidin sebagai Bendahari, Encik Mohd. Sharip Mokhtar Penolong Bendahari, Haji Jumaat Sidek sebagai Pegawai Penerangan dan Encik Abdullah Bunawi sebagai penolongnya.

# Lebih 100 pendekar akan tunjuk kehandalan

SINGAPURA, Selasa. — Setiausaha Parlimen (Perhubungan), Encik Lim Guan Hoo, akan merasmikan pertunjukan seni-seni mempertahankan diri di Panggung Rakyat Kereta Ayer pada 16 Jun jam 8 malam.

Lebih 100 orang 'pahlawan' akan mengambil bahagian dalam demonstrasi itu yang akan menunjukkan bentuk-bentuk seni mempertahankan diri seperti karate, tae-kwon-do, bersilat, main pedang, tinju dan lain-lain.

Pertunjukan itu dianjurkan bersama oleh 28 buah balai rakyat dari lapan buah kawasanundi dan bertujuan untuk menggalakkan kegiatan-kegiatan sihat seni mempertahankan diri.

Kawasanundi-kawasanundi yang mengambil bahagian ialah: Bukit Batok, Jalan Kayu, Paya Lebar, Leng Kee, Bukit Merah, Jalan Besar, Kampong Glam dan Tiong Bahru.

Tikit-tikit yang berharga $1 dan $2 boleh dibeli di Panggung Rakyat Kreta Ayer dan balai-rakyat-balai-rakyat berikut: Maude Road, Tiong Bahru, Bukit Merah (Utara), Leng Kee, Paya Lebar, Yio Chu Kang, Kampong Glam dan Princess Elizabeth.